

Arkitek Melayu, Muslim Perlu Tegakkan Seni Bina Islam
Bernama
30 Mac, 2012

KUALA LUMPUR, 30 Mac (Bernama) -- Arkitek Melayu dan Muslim perlu menegakkan seni bina Islam pada aspek bangunan dan pembinaan bangunan di negara ini supaya seni tamadun itu tidak hilang ditelan pengaruh barat, kata Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Seri Dr Rais Yatim.

Beliau berkata negara ini mempunyai pelbagai latar belakang seni bina dan ada bangunan yang berasaskan ciri-ciri Malaysia, timur dan barat namun lebih banyak bangunan direka lebih cenderung ke arah tamadun barat.

"Oleh itu kementerian berhajat sangat bekerjasama dengan Yayasan Aga Khan berhubung seni bina ala Islam untuk mencari jalan boleh menyatukan beberapa elemen yang akan membawa kita ke hadapan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan pameran Khazanah Muzium Aga Khan: Seni Bina Dalam Kesenian Islam di Muzium Kesenian Islam di sini Jumaat.

Pameran itu berlangsung sehingga 29 Jun depan menunjukkan koleksi seni bina milik muzium yang berpangkalan di Toronto, Kanada, yang dibawa menjelajah ke seluruh Eropah termasuk Muzium Hermitage, St Petersburg, Russia.

Rais sangat memberi tumpuan serius mahu melihat seni bina Islam dinobatkan di negara ini kerana ia mampu memberi perhatian kepada barat bahawa dalam kesenian seni bina Islam, terdapat pelbagai aspek yang boleh menyatukan manusia.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=656023>